

22 AUG 2002

Chor-Bunyamin

PEGUAM NEGARA AKAN TELITI KES BUNYAMIN

PUTRAJAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung hari ini berkata polis telah menyelesaikan siasatan terhadap penceramah PAS dari Kelantan, Bunyamin Yaakob.

Katanya, kertas siasatan terhadap dakwaan Bunyamin bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya akan dikemukakan kepada Peguam Negara sedikit masa lagi.

Semasa bercakap pada sidang media selepas menerima kunjungan delegasi 12 orang anggota dari Thailand di kementerianannya di sini, Chor berkata: "Pada peringkat ini saya tidak mahu menggulas lanjut cuma Peguam Negara (akan) meneliti perkara itu...polis telah selesai menjalankan siasatan," katanya.

Polis telah mengambil keterangan dari Bunyamin, 51, pada Selasa apabila dia hadir di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan.

Bunyamin membuat dakwaan berkenaan pada ceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan di Pengkalan Chepa pada 15 Mac lepas. Petikan ceramah itu disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia baru-baru ini.

Mengulas mengenai perbincangan beliau dengan delegasi Thailand yang diketuai Menteri Sumber Manusia dan Kebajikan Sosialnya, Prof Dej Boon Long, Chor berkata Thailand menyatakan hasrat untuk menghantar lebih ramai rakyatnya bekerja di negara ini.

Menurut Chor, sejak tahun 1997, terdapat kira-kira 20,000 pekerja dari Thailand bekerja di pelbagai sektor di Malaysia dan jumlah itu rendah berbanding pekerja Indonesia.

Katanya, gaji lebih tinggi yang ditetapkan oleh kerajaan Thailand berbanding yang ditawarkan oleh majikan di negara ini selain masalah komunikasi merupakan antara faktor penyumbang majikan kurang berminat mengambil pekerja asing dari Thailand.

"Bagaimanapun saya bersetuju dengan cadangan mereka (Thailand), jika ada peluang supaya pekerja asing dari Thailand bekerja di Malaysia, mereka ingin melihat bahawa aturan pengambilan ini melalui cara 'G to G' (kerajaan dengan kerajaan)," katanya.

Chor berkata pekerja Thailand harus diambil melalui agensi yang diperakui oleh kerajaan negara itu supaya mereka yang masuk ke negara ini lebih bertanggungjawab dan tidak akan menimbulkan pelbagai masalah sosial.

-- BERNAMA

ZAI AHH MOZ